

Headline	FAMA bekal 50,000 kit makanan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	20 Nov 2019	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	30	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	302 cm ²
Journalist	MUHAMMAD AMINNURALIFF MOHD ZOKI	AdValue	RM 6,402
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,206



FAMA bekal 50,000 kit makanan

Serah kepada Nadma untuk diberikan kepada mangsa banjir

MUHAMMAD AMINNURALIFF MOHD ZOKI

DENGKIL

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membekalkan sebanyak 50,000 kit makanan kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) yang akan diberikan kepada mangsa yang terlibat dalam banjir.

Pengerusinya, Ishak Ismail berkata, pihaknya diberi kepercayaan oleh Nadma untuk membekalkan kit makanan sejak tahun 2014 sehingga kini.

"Pada 2 Oktober 2019 perbincangan antara FAMA dan Nadma telah diadakan di Pusat Operasi FAMA Dengkil dan dalam perbincangan tersebut, sekali lagi pihak Nadma memberi kepercayaan kepada FAMA sebagai pembekal.

"Satu persetujuan telah dimerentai secara dasarnya supaya FAMA menyediakan 50,000 kit makanan dan perlu menyediakan stok sebanyak 20,000 bagi penyediaan fasa pertama," katanya pada Majlis Flag



Ishak merasmikan Majlis Flag Off Kit Makanan Nadma ke seluruh Malaysia di Dengkil semalam.

Off Kit Makanan Nadma ke seluruh Malaysia di sini semalam.

Katanya, terdapat beberapa penambahbaikan dari segi pemilihan produk dibuat hasil perbincangan di antara pihak Nadma dan FAMA.

"Bagi kit makanan Nadma 2019/2020, Nadma memutuskan untuk meletakkan produk tambahan seperti beras, garam, serbuk teh dan gula dalam usaha untuk membantu mangsa bencana semasa dan selepas pulang ke kediaman," katanya.

Menurutnya, Nadma telah melibatkan beberapa jabatan dan

agensi sebagai rakan kerjasama dalam usaha menyalurkan bantuan kepada mangsa bencana.

"FAMA telah dilantik dan diberi tanggungjawab sebagai penyedia kepada kit makanan Nadma.

"Proses penyediaan diselaras dengan Bahagian Pembangunan Industri Asas Tani (IAT) di peringkat Ibu Pejabat dengan kerjasama Pengarah FAMA di setiap negeri yang terlibat dengan bencana.

"Kerja-kerja penyediaan kit makanan dijalankan di Pusat Memproses Makanan FAMA Kuala Selangor dan Pusat Operasi FAMA Dengkil," katanya.